



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KOHESI DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU PELAJAR
DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM***

NURMASITAH BINTI MAT HASSAN

FBMK 2016 8



**KOHESI DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU PELAJAR
DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM**

Oleh

NURMASITAH BINTI MAT HASSAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

KOHESI DALAM PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU PELAJAR DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM

Oleh

NURMASITAH BINTI MAT HASSAN

Januari 2016

Pengerusi : Jama'yah Binti Zakaria, PhD
Fakulti : Bahasa Moden Dan Komunikasi

Kohesi adalah pertautan ayat dalam sesuatu perenggan. Semua maklumat yang ditulis dalam bentuk ayat harus berkait antara satu sama lain. Tanpa ayat yang kohesi, pembaca akan berasa seolah-olah mereka membaca senarai panjang yang tiada kaitan idea. Oleh itu, dengan adanya kohesi, bermakna teks atau wacana berhubung antara satu sama lain bagi membina makna yang lebih jelas dan akhirnya dapat difahami oleh pembaca. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan aspek kohesi dalam karangan bahasa Melayu pelajar di peringkat pengajian tinggi awam. Kajian ini menggunakan kerangka kohesi Halliday dan Hasan (1976). Bagi mengumpul data kajian, kaedah analisis dokumen digunakan kerana bersesuaian untuk mengenal pasti tema, konsep dan makna. Responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar di sebuah universiti awam diminta untuk menulis beberapa perenggan karangan dalam bahasa Melayu yang tajuknya telah ditentukan dalam masa 1 jam. Analisis ini membincangkan kohesi gramatikal, kohesi leksikal dan juga kohesi idea. Kohesi gramatikal terbahagi kepada empat bahagian iaitu rujukan, penggantian, penghilangan dan penghubung. Kohesi leksikal pula terbahagi kepada dua iaitu reiterasi dan kolokasi. Hasil daripada kajian ini menunjukkan pelajar banyak menggunakan kohesi gramatikal berbanding kohesi leksikal dalam penulisan karangan mereka. Hasil kajian juga menunjukkan pelajar lemah dalam segi mentautkan idea dalam penulisan karangan mereka. Bagi kajian lanjut, generalisasi boleh dibuat jika sampel yang lebih besar digunakan.

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**COHESION IN THE MALAY LANGUAGE ESSAY WRITING STUDENT AT A
PUBLIC UNIVERSTY**

By

NURMASITAH BINTI MAT HASSAN

January 2016

Chairman : Jama'yah Binti Zakaria, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Cohesion is connecting sentences in a paragraph. All information written in the form of sentences should be relate to each other. Without sentence cohesion readers will feel as if they are reading a long list of unrelated ideas. Thus, cohesion means, text or discourse is related to each other to build a clearer meaning and eventually be understood by the readers. This study was conducted to identify and analyse the aspects of cohesion in the Malay language essay written by the students in a selected public higher education. This study is using cohesion framework introduced by Halliday and Hasan (1976). The data of the study had been obtained from the essays written within stipulated time that is one hour. The study used document analysis, as it is suitable to identify themes, concepts and the meaning within text that discusses grammatical cohesion, lexical cohesion and cohesion of ideas. Grammatical cohesion is divided into four parts, namely reference, substitution, omission and liaison, while lexical cohesion is divided into two reiteration and collocation. Results from this study showed that students use more grammatical compared to lexical cohesion. The study also showed that students are weak in terms of connecting ideas in their essay writing. For further study, generalizations can be made if a larger sample to be used.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim...

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan izin-Nya dapat saya menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Di samping itu, tidak dilupakan juga kepada mereka yang telah banyak memberi kerjasama dan dorongan kepada saya. Di bawah ini sedikit mutiara kata saya dedikasikan buat mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang tempoh tesis ini disiapkan.

Buat penyelia yang terlalu banyak membantu,

Dr. Jama'yah binti Zakaria,

Prof. Madya Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin,

Segala jasa, budi dan ilmu yang ditaburkan selama ini,

Hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya.

Buat keluarga,

Abah yang tersayang Mat Hassan bin Nor,

Ummi yang tercinta Norwati binti Ismail,

Along, Acik, Uda dan Adik,

Diri ini bukanlah sesiapa tanpa doa dan semangat daripada kalian.

Buat arwah Tok Ma yang amat dirindui,

Tenanglah dikau di sana,

Al-Fatihah ku kirimkan sebagai pengubat rindu di hati.

Terima kasih juga buat Wan Asrul Affendy,

Tidak pernah jemu memberi sokongan buat diri ini.

Buat rakan seperjuangan,

Terima kasih untuk semua kerjasama yang diberikan.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Jama'yah Binti Zakaria, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Raja Masittah Binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli Jawatankuasa)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Nurmasitah Binti Mat Hassan, GS34503

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa :

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan Jama'yah Binti Zakaria, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan Raja Masittah Binti Raja Ariffin, PhD

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	v
SENARAI JADUAL	x
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Kohesi dan Penulisan Karangan	3
1.1.2 Wacana Dalam Karangan	4
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Batasan Kajian	7
1.6 Definisi Konsep	7
1.6.1 Kohesi	8
1.6.2 Karangan	8
1.6.3 Penulisan	9
1.6.4 Bahasa Melayu	9
1.7 Kesimpulan	10
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Kohesi Dalam Penulisan	12
2.2.1 Kajian Kohesi Berdasarkan Aspek Gramatikal	13
2.2.2 Kajian Kohesi Berdasarkan Aspek Leksikal	15
2.2.3 Kajian Kohesi Berdasarkan Aspek Idea	17
2.2.4 Kajian Kohesi Berdasarkan Bahasa Penutur	18
2.3 Kesimpulan	
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	20
3.2 Kaedah Kajian	20
3.2.1 Populasi dan Sampel Kajian	21
3.2.2 Bahan Kajian	21
3.2.3 Tatacara Kajian	21
3.2.4 Kaedah Pengumpulan Data	22
3.2.5 Penganalisan Data	22
3.3 Kerangka Kohesi	23
3.4 Carta Alir Kajian	26

3.5	Kerangka Konsep	27
3.6	Kesimpulan	28
4	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	29
4.2	Analisis Kohesi Gramatikal	31
4.2.1	Analisis Kohesi Gramatikal Rujukan	31
4.2.2	Analisis Kohesi Gramatikal Penggantian	41
4.2.3	Analisis Kohesi Gramatikal Penghilangan	43
4.2.4	Analisis Kohesi Gramatikal Penghubung	45
4.3	Analisis Kohesi Leksikal	62
4.3.1	Analisis Kohesi Leksikal Reiterasi	65
4.3.2	Analisis Kohesi Leksikal Kolokasi	66
4.4	Analisis Kohesi Idea	68
4.5	Rasional Kerangka Kohesi	75
4.6	Kesimpulan	76
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	77
5.2	Rumusan	77
5.3	Implikasi Kajian	80
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	81
5.5	Kesimpulan	82
RUJUKAN		83
BIODATA PELAJAR		89
PENERBITAN		90

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Jenis-Jenis Penanda Kohesi	30
2	Kekerapan Kohesi Gramatikal Rujukan Dalam Karangan	32
3	Kekerapan Kohesi Rujukan Ganti Nama Diri Dalam Karangan	35
4	Kekerapan Kohesi Gramatikal Rujukan Penunjuk Dalam Karangan	38
5	Kekerapan Kohesi Gramatikal Penggantian Dalam Karangan	41
6	Kekerapan Kohesi Gramatikal Penghilangan Dalam Karangan	43
7	Kekerapan Keseluruhan Kohesi Gramatikal Penghubung Dalam Karangan	45
8	Kekerapan Kohesi Gramatikal Penghubung Pertambahan Dalam Karangan	46
9	Kekerapan Kohesi Gramatikal Penghubung Perlawanan Dalam Karangan	50
10	Kekerapan Kohesi Gramatikal Penghubung Sebab-Akibat Dalam Karangan	53
11	Kekerapan Kohesi Gramatikal Penghubung Waktu Dalam Karangan	56
12	Kekerapan Kohesi Gramatikal Penghubung Syarat Dalam Karangan	59
13	Kekerapan Kohesi Leksikal Dalam Karangan	63
14	Kekerapan Kohesi Leksikal dan Gramatikal Dalam Karangan	77

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kohesi merupakan salah satu kemahiran yang diperlukan apabila menulis. Pelbagai aspek terlibat dalam mewujudkan kohesi yang baik antaranya ayat yang jelas dan bermakna selain daripada aspek-aspek teknikal seperti tatabahasa, ejaan, imbuhan dan juga tanda baca. Lazimnya, kohesi ini wujud melalui susunan ayat dan perenggan yang saling bertaut untuk mewujudkan kohesi di antara maklumat lama dengan maklumat baru (Halliday dan Hasan, 1976). Oleh itu, dalam penulisan akademik ataupun ilmiah, aspek kohesi memainkan peranan penting sebagai salah satu cara untuk meningkatkan pemahaman pembaca tentang idea-idea yang diutarakan. Situasi ini boleh dilihat apabila di sekolah, proses menulis khususnya karangan berbahasa Melayu diberi perhatian oleh guru bahasa Melayu dalam pengajaran. Di sinilah kohesi memainkan peranannya yang tersendiri. Kohesi juga merupakan 'organisasi sintaktik' iaitu cara ayat-ayat disusun dengan padu dan padat bagi menghasilkan wacana yang baik. Menurut Halliday dan Hasan (1976), kohesi terbahagi kepada dua kategori iaitu kohesi gramatikal dan kohesi leksikal.

Sumarlam (2003) yang memetik pendapat Halliday dan Hasan (1976), menyatakan kohesi gramatikal dibahagikan pula kepada empat cabang kecil iaitu rujukan (referensi), penggantian (substitusi), penghilangan (elipsis), dan penghubung (konjungsi). Bagi kohesi gramatikal rujukan, lazimnya dikaitkan dengan penggunaan kata atau kelompok kata untuk menunjukkan satuan gramatikal yang lain (Mulyana, 2005). Kohesi rujukan ini pula dipecahkan kepada tiga kategori iaitu rujukan ganti nama, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan.

Kohesi gramatikal penggantian melibatkan penggantian perkataan dengan perkataan lain dalam ayat (Yayat Sudaryat, 2008). Sebagai contoh, '[Ramli] dipukul lagi kerana ditangkap sedang mencuri. [Dia] benar-benar tidak serik'. Kohesi gramatikal penggantian berlaku dalam ayat ini apabila kata 'Ramli' digantikan dengan kata 'dia' sambil mengekalkan idea dan makna ayat.

Seterusnya, kohesi gramatikal penghilangan melibatkan penghilangan item tertentu secara keseluruhan perkataan atau ayat. Dalam erti kata lain, kohesi ini melibatkan penggantian keseluruhan ayat. Walaupun begitu, ayat baru yang terhasil itu masih merujuk kepada perkara yang sama. Mulyana (2005) menegaskan kohesi gramatikal penghilangan merupakan proses pelepasan perkataan atau satuan-satuan kebahasaan lain. Contoh di bawah merupakan salah satu contoh ayat yang menggunakan kohesi gramatikal penghilangan.

Aina : [Awak rasa kita akan *lulus ujian dengan cemerlang?*]

Aminah : Saya harap [*begitu*].

Dalam contoh di atas, frasa *lulus ujian dengan cemerlang* tidak diulang di dalam ayat kedua dan digantikan dengan kata *begitu*. Namun demikian, ayat kedua ini masih dapat difahami maknanya walaupun tidak menggunakan perkataan yang sama dengan ayat pertama, tetapi masih bermaksud Aminah berharap mereka berdua akan lulus ujian dengan cemerlang.

Kohesi gramatikal penghubung berlaku melalui kedudukannya yang menunjukkan makna tertentu bagi hubungan perkataan atau ayat dalam teks. Contohnya, 'Aisyah suka warna biru [dan] merah'. Penghubung *dan* merupakan salah satu penggunaan kohesi gramatikal penghubung yang berfungsi untuk menyambung, merangkai, atau menghubungkan kata dengan kata, frasa dengan frasa klausa dengan klausa, ayat dengan ayat dan seterusnya (Kridalaksana, 1978).

Kohesi leksikal pula berkait dengan konsep semantik yang merujuk kepada hubungan makna antara unsur dalam teks (Halliday dan Hasan, 1976). Unsur tersebut boleh wujud dalam ayat atau antara ayat, tatabahasa dan juga kosa kata. Halliday dan Hasan (1976), membahagikan kohesi leksikal kepada dua iaitu reiterasi dan kolokasi. Kohesi leksikal reiterasi (pernyataan semula) berlaku melalui tiga cara iaitu penggunaan kata yang sama atau yang hampir sama, penggunaan kata sinonim atau hiponim dan penggunaan kata superordinat.

Bagi kohesi leksikal kolokasi, ia dipecahkan kepada dua iaitu perkaitan makna unsur-unsur leksikal yang kerap hadir bersama-sama ataupun mempunyai makna rujukan umum yang sama (kolokasi kata berkaitan) atau berlawanan (kolokasi kata berlawanan). Antara contoh kohesi leksikal kolokasi bagi kata berkaitan ialah 'Melayu-Islam', 'sekolah-guru' dan 'mahkota-raja'. Contoh bagi kohesi leksikal kolokasi bagi kata yang berlawanan pula ialah 'kenyang-lapar', 'cepat-lambat' dan 'sihat-sakit'.

Selain penggunaan kohesi gramatikal dan kohesi leksikal, kohesi idea juga merupakan unsur penting untuk memastikan sesuatu penulisan karangan yang berkualiti. Sebenarnya, bagi memastikan sesebuah karangan yang ditulis itu difahami pembaca, jalinan idea yang dipaparkan mestilah saling berkohesi. Menurut Byrne (1982): "... *We do not just write one sentence or even a number of unrelate sentences. We produce a sequence of sentences arranged in a particular order and linked together in certain ways. The sequence may be short – perhaps only two or three sentences – but, because of the way the sentences have been put in order and linked together, they form a coherent whole. They form what we may call a text.*". Oleh itu, kohesi idea yang wujud antara ayat perlulah sentiasa tersusun jalinan maklumatnya agar kesatuan wacana yang dibina dapat memperlihatkan penggunaan kohesi yang tepat.

Ringkasnya, penggunaan penanda kohesi lebih baik melalui kesesuaian idea dan pemikiran yang cuba disampaikan dalam penulisan. Pada masa yang sama, penyampaian maklumat yang tepat dalam penulisan turut mempengaruhi kualiti sesebuah karangan. Penggunaan penanda kohesi dalam wacana seperti kata atau frasa perangkai membolehkan ayat-ayat dalam perenggan disusun sehingga urutan idea atau gagasan menjadi lancar dan tidak melompat-lompat (Awang Sariyan, 1981). Dalam erti yang lain, kohesi merupakan satu cara untuk melihat bagaimana hubungan antara ayat dan susunannya dalam kenyataan atau gagasan, fakta dan idea agar ia menjadi satu huraian yang logik untuk memahami penyampaian isi yang terkandung (Henry Guntur Taringan, 1995). Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh kedua-dua tokoh bahasa tersebut jelaslah bahawa, kohesi yang utuh dapat diwujudkan melalui cara kait-mengait antara ayat sehingga pembaca boleh merasai adanya hubungan yang bertaut. Hubungan kohesi yang dirasai itu bukan sahaja dari aspek bahasa tetapi dari segi susunan idea yang saling berkohesi antara satu ayat dengan ayat yang lainnya dalam karangan.

1.1.1 Kohesi dan Penulisan Karangan

Karangan merupakan salah satu wacana bertulis yang menduduki peringkat tertinggi dalam susunan bahasa (Suladi, 2000). Susunan bahasa itu ialah tatattingkat atau peringkat bahasa yang bermula daripada fonem, morfem, kata, frasa, klausa, ayat dan wacana. Dalam sesebuah karangan, perkaitan antara unit bahasa diperlukan untuk melahirkan kesatuan yang utuh untuk menyampaikan maklumat. Bagi memastikan maklumat yang hendak disampaikan itu jelas, ayat-ayat karangan mestilah disusun secara kohesi supaya mesej dan jalinan idea dapat disampaikan dengan lancar kepada pembaca.

Menurut Za'ba (1965), mengarang itu bermaksud membuat beberapa ayat yang saling berhubungan dengan betul dan menceritakan sesuatu perkara. Ayat yang saling berhubungan dirujuk sebagai kohesi manakala ayat yang betul dapat dikatakan sebagai ayat yang bertatabahasa. Gabungan kedua-dua aspek ini mampu menyampaikan idea yang hendak digarap oleh pengarang. Ini jelas menunjukkan sesebuah karangan itu memerlukan adanya unsur idea atau cerita yang hendak disampaikan melalui susunan kata yang betul serta ayat yang bertaut. Justeru, maklumat boleh disampaikan dengan lancar kepada pembaca. Ini bersesuaian dengan Raimes (1983) yang menyatakan walaupun idea-idea baru penting tetapi yang terlebih penting lagi ialah bagaimana idea dalam karangan tersebut dinyatakan dalam ayat difahami pembaca.

Karangan juga perlu mempunyai ayat tesis atau tanggapan yang menjadi asas kepada hujah bagi idea yang hendak diutarakan. Hujah-hujah tersebut seterusnya disampaikan melalui perenggan-perenggan yang berkohesi manakala pengujaran idea-idea pula dipaparkan dengan menggunakan kertas ataupun media elektronik. Selain itu, susunan isi karangan perlu dipegang idea topiknya sementara terus meneroka idea lain supaya isi karangan yang disusun tidak menjadi kucar-kacir. Tepatnya, proses penulisan karangan yang baik mestilah mempunyai ayat tesis, pembinaan perenggan yang betul, kejelasan makna dan mempunyai kesatuan (Mohd. Sidin, 1999). Oleh itu, dalam penulisan karangan, susunan perkataan atau ayat yang saling berkohesi antara satu sama lain penting bagi melancarkan penyampaian maklumat yang berkesan.

1.1.2 Wacana dalam karangan

Dalam karangan, wacana yang baik wujud apabila sesuatu bahasa itu disusun dengan selengkapnya (Raminah dan Rahim Syam, 1985). Wacana adalah unit bahasa melebihi batasan ayat yang boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, bab, buku, siri buku, dan sebagainya yang menunjukkan kesatuan dan hubungan antara idea dan pemikiran (Asmah Haji Omar, 1980). Untuk mewujudkan kepaduan dalam wacana, sesebuah karangan yang dihasilkan itu perlulah mempunyai kesatuan kerana wacana merupakan contoh-contoh sebenar berkomunikasi dalam menyampaikan bahasa (Johnstone, 2002).

Lazimnya, wacana yang melibatkan hubungan penutur dengan pendengar (wacana lisan) dan penulis dengan pembaca (wacana tulisan) dapat menghasilkan gaya wacana yang berbeza. Contohnya, penggunaan gaya bahasa formal, bersahaja, bahasa kolokial (bukan bahasa baku) dan sebagainya dapat menunjukkan kepelbagaian hasil wacana yang digunakan oleh masyarakat. Faktor ini penting bagi penulis untuk memahami kehidupan masyarakat persekitaran supaya matlamat komunikasi itu tercapai. Justeru, wacana yang baik haruslah mempunyai kesatuan maklumat dan sistematik jalinan ideanya supaya intipati yang disampaikan mempunyai kekohesian yang berterusan.

Wacana tulisan disampaikan secara bertulis yang melibatkan penulis dengan pembaca. Dalam wacana ini, berlakunya komunikasi tidak langsung atau komunikasi satu hala. Ini kerana penulis tidak berdepan dengan pembaca sewaktu wacana tersebut dihasilkan dan dibaca. Oleh itu, penyampaian mesej haruslah lebih jelas kerana pembaca tidak dapat bertanya penulis secara langsung jika mereka tidak faham. Karangan, laporan, rencana, dan sebagainya yang disiarkan melalui buku, surat khabar dan majalah adalah antara contoh wacana tulisan.

Wacana lisan pula melibatkan penutur dengan pendengar/penonton. Wacana ini mungkin disampaikan secara bersemuka atau melalui 'interface'. Ini bersesuaian dengan Kamus Dewan (2007) yang mendefinisikan wacana sebagai keseluruhan tutur yang merupakan satu kesatuan, ucapan, pertuturan dan percakapan. Antara contoh wacana lisan ialah perbualan, temuramah, ceramah, khutbah, pidato, siaran radio dan televisyen. Penutur dalam wacana lisan dapat menggunakan eksperasi wajah, intonasi suara dan gerak badan untuk memantapkan penyampaian mesej kepada penonton. Dalam wacana lisan ini, penutur mungkin mendapat tindak balas secara langsung daripada pendengar/penonton sekiranya mereka memerlukan lebih penjelasan. Namun begitu, situasi ini bergantung juga kepada media yang digunakan. Sekiranya penutur berinteraksi secara bersemuka dengan pendengar, maka penutur akan mendapat tindak balas secara langsung daripada pendengar. Berbeza pula dengan interaksi yang menggunakan komputer, radio atau televisyen, penutur mungkin tidak dapat melihat atau mendengar tindak balas daripada pendengar/penonton secara langsung. Walaupun begitu, apa yang pentingnya dalam wacana lisan ini ialah maklumat yang disampaikan mestilah ada kohesinya. Ini bersesuaian dengan Crystal (2002) yang menjelaskan wacana merupakan regangan bahasa yang berkesinambungan khususnya bahasa lisan

yang lebih besar daripada ayat yang membentuk satu unit berkesatuan seperti khutbah, hujah, jenaka atau cerita.

Di samping itu juga, setiap wacana yang ditulis mestilah dilihat daripada aspek isinya (maklumat) sama ada berkohesi ataupun tidak. Hal ini ditegaskan lagi oleh Sumarlam (2008) yang mengatakan bahawa wacana yang padu adalah wacana yang memiliki hubungan bentuk atau struktur yang kohesi dari aspek hubungan makna atau strukturnya yang bersifat koheren. Wacana yang utuh wujud apabila ayat-ayat yang terdapat di dalam wacana tersebut mendukung satu topik yang dibincangkan, manakala wacana yang padu pula adalah penyusunan ayatnya yang teratur dan sistematik hingga menunjukkan tautan idea yang dihasilkan melalui aspek kohesi.

Namun begitu, keutuhan sesebuah wacana bukan sahaja berdasarkan struktur ayat tetapi meliputi aspek lain seperti konteks ujaran kosa kata, susunan idea dan fakta. Beaugrande dan Dressler (1981), menjelaskan tujuh ciri ketekstualan yang perlu ada untuk menghasilkan wacana yang utuh ialah kohesi, koheren, tujuan, penerimaan, maklumat, keadaan dan interteks. Ketujuh-tujuh ciri kestektualan ini diperlukan dalam wacana bagi memastikan ayat yang dihaasilkan saling bertaut dan disampaikan dengan betul kepada penerima yang berada di persekitarannya.

1.2 Pernyataan Masalah

Subjek penulisan karangan adalah subjek yang diajar di semua peringkat persekolahan dari sekolah rendah hingga menengah. Subjek ini juga ada dalam kurikulum di universiti. Berdasarkan Laporan Kupasan Mata Pelajaran Bahasa Melayu Kertas 1 (karangan) Sijil Pelajaran Malaysia (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2010) mendapati bahawa, sebahagian besar kelemahan calon SPM ialah tidak dapat menghasilkan ayat yang mempunyai tautan ataupun kohesi antara satu ayat dengan satu ayat yang lain. Sebelum ini, kajian berkaitan kohesi dalam penulisan karangan berbahasa Melayu telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji seperti Khathijah Abdul Hamid (1997) yang mendapati pelajar tidak dapat menghasilkan ayat yang berkohesi dalam penulisan karangan mereka. Selain itu, didapati pelajar gagal menghasilkan ayat yang berkohesi dalam penulisan (Che Mohd Arif, 1996). Oleh sebab kemahiran menulis karangan masih diteruskan dalam pendidikan di universiti, maka kajian ini bertujuan untuk melihat kemahiran pelajar dalam menggunakan aspek kohesi semasa menulis karangan berbahasa Melayu.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti aspek kohesi dalam penulisan karangan berbahasa Melayu pelajar institusi pengajian tinggi awam. Bagi mencapai tujuan ini, beberapa objektif telah dikenal pasti iaitu:

- 1) Menganalisis kohesi gramatikal dalam karangan pelajar.
- 2) Menghuraikan kohesi leksikal dalam karangan pelajar.
- 3) Merumuskan kohesi idea dalam karangan pelajar.

1.4 Kepentingan Kajian

Bahasa Melayu ialah bahasa yang mempunyai jutaan penutur yang digunakan dalam pelbagai peringkat komunikasi melalui media lisan dan tulisan. Dalam media tulisan, aspek kohesi penting bagi memastikan pembaca memahami mesej disampaikan penulis. Penggunaan aspek kohesi ditunjukkan oleh beberapa penanda yang digunakan. Dalam bahasa Melayu, kadang kalanya penanda kohesi menunjukkan makna penyampaian mesej tersirat lebih besar daripada yang diucap. Ini dapat dilihat dalam masyarakat terutamanya kaum Melayu, penyampaian mesej tidak dinyatakan secara jelas tetapi disampaikan dalam bentuk kiasan seperti pantun, seloka dan gurindam. Untuk memahami kaedah penyampaian mesej seperti ini, ia bergantung kepada persepsi dan pengetahuan pendengar atau pembaca. Oleh itu, beberapa kepentingan kajian ini telah dikenalpasti menerusi kajian ini.

Antara kepentingan kajian adalah sebagai medium pendedahan ilmu menulis karangan yang berkohesi dan jelas maklumatnya kepada semua institusi pendidikan khususnya pengajian tinggi. Pendedahan ilmu berkaitan kohesi ini penting kerana perubahan zaman telah menghakis amalan bahasa tinggi. Ini kerana, cara didikan yang diberikan kepadapelajar dalam aspek membaca dan menulis pada hari ini menggunakan kaedah penulisan berkonsepkan 'direct to the point' yang diambil dari Barat. Berdasarkan konsep 'direct to the point' ini, 'mesej perlulah jelas sehingga pembaca dapat menggambarkan apa yang dibaca seperti melihat wayang gambar. Penulis juga perlu menjangkakan soalan-soalan yang mungkin terfikir oleh pembaca dan menjawabnya dalam penulisan. Justeru, kajian ini penting bagi melihat sejauh mana aspek kohesi diketahui, dilaksanakan dan diamalkan oleh penulis yang sedang berada di pusat pengajian tinggi awam apabila mereka menulis karangan berbahasa Melayu. Melalui kajian ini, kecenderungan penggunaan penanda kohesi dapat dikesan, dibandingkan atau disamakan dengan dapatan lain yang menggunakan subjek yang berlainan latar belakang.

Kepentingan kajian yang seterusnya ialah sebagai rujukan khasnya pelajar berkaitan teknik menulis karangan yang berkohesi berkaitan keluasan, kerelevanan dan kepelbagaian idea yang dipaparkan. Persembahan idea yang tersusun adalah umpama

gam yang melekatkan antara satu idea dengan idea lain dalam membentuk wacana yang jelas mesejnya dan seronok untuk dibaca. Ini kerana, kurangnya idea menyebabkan pengulangan maklumat yang sama dalam beberapa perenggan. Hasilnya, berlakulah bentuk penulisan yang dangkal kerana tidak memberi kupasan mencukupi tentang sesuatu topik. Penulisan begini menghindarkan pembaca untuk terus kekal menghayati mesej yang hendak disampaikan. Oleh itu, kesinambungan dalam penulisan wujud apabila aspek kohesi yang digunakan itu betul (Richards, 1990).

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan penggunaan aspek kohesi dalam penulisan karangan bahasa Melayu pelajar UPM. Pelajar yang terlibat dengan kajian ini kesemuanya berbangsa Melayu dan mengikuti kelas Seni Penulisan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Kajian ini menggunakan 40 buah karangan yang ditulis di tempat yang sama dalam tempoh satu jam. Bagi memastikan pelajar mempunyai pengetahuan serta idea yang original, tajuk yang dipilih merupakan isu semasa, yang sering diulas dan diperkatakan oleh masyarakat iaitu tentang “Faktor-Faktor Banjir Di Malaysia”. Karangan ditulis dalam bahasa Melayu, mengandungi enam perenggan yang ditulis sekitar 1000 patah perkataan.

Kajian ini bertujuan untuk mengutip maklumat data berdasarkan aspek kohesi yang dibincangkan iaitu kohesi gramatikal, kohesi leksikal dan kohesi idea. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat kemampuan pelajar mengaplikasikan aspek kohesi dalam penulisan karangan berdasarkan tempoh yang telah ditetapkan iaitu 60 minit.

1.6 Definisi Konsep

Beberapa konsep yang digunakan dalam kajian ini dijelaskan maknanya bagi menentukan fokus kajian. Ini kerana konsep-konsep yang digunakan mungkin mempunyai persamaan atau perbezaan dalam konteks yang lebih luas yang tidak diambil kira dalam kajian ini.

1.6.1 Kohesi

Kohesi adalah hubungan ayat yang ada dalam teks melalui penggunaan kohesi gramatikal ataupun kohesi leksikal (Halliday dan Hasan, 1976). Kohesi wujud dalam ayat, antara ayat, dan juga melalui kosa kata yang dihasilkan. Penggunaan kohesi yang baik dalam karangan boleh dilihat melalui susunan ayat-ayat dalam perenggan yang berkait secara logik dan bersepadu semasa menjelaskan idea dan pemikiran.

Salah satu cara untuk mengesan kehadiran kohesi dalam karangan adalah melalui penanda kohesi iaitu penanda kohesi gramatikal rujukan, penggantian, penghilangan dan penghubung serta penanda kohesi leksikal yang boleh dikesan melalui penanda reiterasi dan kolokasi.

1.6.2 Karangan

Karangan merupakan wacana bertulis yang berbeza daripada wacana lisan (Za'ba, 1958). Kebiasaannya, seseorang menulis karangan bertujuan untuk memberikan ulasan mereka tentang perkara yang terjadi di persekitaran. Malahan, melalui penulisan karangan, idea sesuatu topik yang ada dalam pemikiran itu boleh dikeluarkan (Raminah dan Rahim Syam, 1885). Untuk menyatakan pendapat/idea tentang sesuatu perkara secara lisan, pelbagai cara boleh dilakukan seperti berbincang, berbahas dan bersyarah. Aktiviti ini bergantung kepada individu terbabit. Namun begitu, idea-idea tersebut juga boleh disampaikan melalui tulisan seperti karangan, cerpen, jurnal dan sebagainya. Sebagai contoh, dalam penulisan karangan, idea sesuatu topik boleh diulas dengan baik jika ia berkoherensi. Ini bersesuaian dengan Koh Boh Boon (1996) yang menyatakan mengarang adalah proses melahirkan idea atau rangkaian idea dalam bentuk tulisan secara tersusun atau logik.

Penulisan karangan melibatkan penyusunan idea bagi membentuk perenggan. Penyusunan ini melibatkan penghuraian idea yang betul daripada segi maklumatnya. Maklumat yang tepat dalam karangan dapat menambah pengetahuan pembaca, membina logik dan memahami mesej yang hendak disampaikan dengan lebih jelas. Ini bersesuaian dengan Ab. Rahman, Ab. Rashid dan Yap (2002), yang mengatakan karangan melibatkan proses mencipta, mengubah, dan menyusun idea dalam bentuk yang lengkap dan sempurna. Contohnya, fakta-fakta yang dimasukkan semasa menulis karangan mungkin tidak diketahui secara tepat atau tidak diketahui langsung oleh pembaca. Oleh itu, karangan dapat membantu pembaca mendapatkan maklumat baru sekali gus menambah ilmu pengetahuan amnya. Selain itu, karangan yang baik harus mengandungi ayat yang disusun agar kelihatan gramatis di samping keseragaman dalam pola ayat bagi menghasilkan keberkesanan yang efektif (Abdul Jalil, 2000).

1.6.3 Penulisan

Penulis perlu menunjukkan kesinambungan atau pertautan pada setiap ayat dan perenggan bagi menghasilkan penulisan yang baik. Kesinambungan atau pertautan ini disebut kohesi. Ini bermakna idea, mesej dan pemikiran penulis saling berhubungan dengan jelas. Hal ini kerana, penulisan berfungsi sebagai medium kelahiran perasaan, fikiran dan idea dalam bentuk grafik (Kamarudin Husin, 1998). Bentuk-bentuk grafik yang melambangkan bunyi bahasa disusun hingga dapat dibaca dan paling penting difahami maksudnya.

Za'ba (1965) pula menyatakan penulisan merupakan pekerjaan menyusun perkataan dengan susunan yang elok kerana menghalkan sesuatu fikiran atau sesuatu kisah cerita supaya dapat difahami oleh orang lain apabila didengar atau dibaca. Dalam hal ini, Za'ba jelas menekankan sesuatu bahan penulisan mestilah dapat difahami oleh orang yang membaca atau mendengarkannya. Justeru, perkataan perlu disusun dengan baik melalui penggunaan kosa kata yang betul, idea yang berkesinambungan, gramatis dan penggunaan tanda baca yang tepat agar maklumat yang disampaikan difahami pembaca.

1.6.4 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu adalah salah satu bahasa pertuturan yang digunakan dalam sesebuah masyarakat. Bahasa ini telah mula dipertuturkan oleh masyarakat kepulauan Nusantara terutamanya Tanah Melayu. Selain itu, bahasa Melayu pernah dikenali sebagai 'lingua franca' pada masa dahulu untuk menjalankan aktiviti perniagaan di Tanah Melayu.

Pada 22 Jun 1956, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah ditubuhkan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu yang bakal dijadikan sebagai bahasa rasmi dan akan digunakan secara lisan dan tulisan di Malaysia. Pada tahun 1959, DBP telah dinaik taraf sebagai sebuah badan berkanun menerusi Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959.

Dalam bidang pendidikan di Malaysia, bahasa Melayu hanya digunakan di sekolah-sekolah rendah Melayu, di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka dan diajar di beberapa buah Sekolah Menengah Kerajaan Inggeris sebelum merdeka. Namun begitu, Malaysia mengalami perubahan setelah mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957. Antara salah satu perubahan tersebut ialah bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi kebangsaan sebagai agenda utama untuk mengisi kemerdekaan seperti yang termaktub dalam perkara 152 (1) perlembagaan Malaysia. Mesej jelasnya adalah seperti berikut:

"... Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh parlimen. ..."

Sehubungan dengan itu, perkembangan bahasa Melayu merupakan pembaharuan yang terjadi pada bahasa itu untuk memenuhi kehendak sesuatu masyarakat tertentu (Asmah, 1985). Perkembangan itu seiring dengan perkembangan kebudayaan, pembaharuan-pembaharuan material dan kerohanian yang mendukung konsep-konsep baru. Konsep-konsep ini mempunyai unsur-unsur yang terdiri daripada bunyi bahasa, susunan bunyi, awalan, akhiran dan sebagainya.

1.7 Kesimpulan

Kohesi adalah elemen yang penting dalam wacana lisan dan tulisan. Tanpa kohesi, sesuatu wacana tidak dapat difahami oleh pembaca/pendengar berkaitan maklumat yang disampaikan. Semasa menghasilkan sesebuah penulisan yakni karangan, penggunaan tatabahasa, tanda baca dan ejaan yang betul menyumbang kepada karangan yang berkualiti selain faktor kohesi. Oleh itu, ringkasan tentang kajian telah dihuraikan di dalam bab ini melalui pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan juga definisi konsep yang telah disenaraikan. Di samping itu, dijelaskan juga aspek kohesi dengan lebih terperinci agar pembaca mendapat gambaran tentang apa yang dikatakan kohesi. Justeru, kajian ini telah menumpukan kepada aspek kohesi dalam penulisan karangan pelajar universiti pengajian tinggi awam yang mengikuti jurusan bahasa Melayu.



RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Talib. (1989). Pengajaran Penulisan. Teknik Menggabung Ayat Lawan Pengajaran Tatabahahasa Formal dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 11. Hal. 812-819.
- Abdul Jalil Othman. (2000). *Kajian Pertautan Ayat Dalam Penulisan Karangan: Satu Kohesi*. (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Jalil Othman. (2000). Kajian Pertautan Ayat Dalam Penulisan Karangan: Satu Pengenalan. dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44: 6. Hal. 658-681.
- Abdul Jalil Othman. (2000). "Analisis Tautan Ayat Dari Segi Kohesi Nahuan, Dan Leksikal Dalam Penulisan Karangan." dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 44: 8. Hal. 826-848.
- Abdul, Rani dan Arifin. (2006). *Analisis Wacana*. Malang: Bayu Media Publising.
- Ab. Rahman, Ab. Rashid & Yap Kim Fat (2002). *Siri Pengajian Tinggi. Bahasa Kebangsaan. Selangor*: Pearson Malaysian Sdn. Bhd.
- Abd. Rashid Ahmad Rafie. (1996). *Koherensi Dalam Penulisan Karangan Bagi Pelajar Tingkatan 4 Di Sekolah Menengah Raja Muda Musa Kuala Kangsar, Perak*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia.
- Abdullah Yusof et. al. (2000). PU 1092 *Pelita Bahasa Ilmiah*. Tanjong Malim. Fakulti Bahasa Upsi.
- Ariffin, Bustanul Dan Abdul Rani. (2000). *Prinsip-Prinsip Analisis Wacana*. Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional.
- Asma Yusoff. (2003). *Berita Politik dalam Akhbar Bahasa Melayu: Analisis Struktur dan Kohesi*. Tesis Ph. D. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar. (1980). *Analisis Wacana* dlm. *Dewan Bahasa*, April. Halaman 9-25. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1985) *Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1986). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Ketiga. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Kajian Dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Awang Sariyan. (1981). Pembinaan Wacana Berita yang Berkesan dalam Hubungan dengan Pembakuan. *Jurnal Dewan Bahasa*. Disember. Hal. 109-118.
- Awang Sariyan. (1987). Aspek Gaya Dalam Penulisan. Tumpuan Kepada Penghasilan Ayat Yang Berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa*: 11. Hal. 816-824.
- Awang Sariyan. (1990). Tertib Dalam Karang Mengarang. *Pelita Bahasa* 2: 5.
- Azman Wan Chik (Editor). (1986). *Mengajar Bahasa Malaysia. Jil. 1: Perkaedahan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azman Wan Chik. (1998). *Kamus Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Beaugrande, R. de dan Dressler, W. (1981). *Introduction to Text Linguistics*. London: Longman.
- Best, John W. (1982). *Metodologi Penelitian Pendidikan*, Surabaya: Penerbit Usaha Nasional.
- Brown, G. dan Yule, G. (1983). *Discourse Analysis*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Burn, R. B. (2002). *Introduction To Research Method*. Melbourne: Longman.
- Byrne, Donn. (1982). *Teaching Writing Skills*. London: Longman Group Ltd.
- Che Mohd. Arif Mohd Tusof. (1996). Penggunaan Penanda Wacana Dalam Kemahiran Mengarang. Kuala Lumpur: *Jurnal Dewan Bahasa*. Jil. 41. Bil 11: 1032-1044.
- Chodijah, Siti. (2006). *Analisis Koherensi Dan Kohesi Dalam Wacana: Studi Kasus Pada Wacana Fiksi 'Dongeng Sato Kewan'*. Skripsi Depok: Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia.
- Coll. M. U. (2009). *“‘Anyway’ a Formal Approach to the Syntax and Semantics of Discourse Markers”*. Unpublished PhD thesis. University of Essex. 2009.
- Dilin Liu. (2000). *Writing Cohesion: Using Content Lexical Ties in ESOL*. Forum, vol 38. (1) (28-37).
- Etika Putri. (2007). *Pentingnya Koherensi Dan Kohesi Dalam Sebuah Paragraf*. <http://www.uny.ac.id.com>. Diakses pada 20 Februari 2015.
- Fairclough, N. (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis For Social Research*. London: Routledge.
- Fraenkel, Jack R. & Wallen, Norman E. (1993). *How To design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill.

- Halliday, M. A. K., & Hasan, R (1976). *Cohesion In English*. London : Longman Group Limited.
- Henry Guntur Tarigan. (1995). *Pengajaran Wacana*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hoey. M.P. (1983). *Signalling In Discourse. Discourse Analysis Monograph No.6*. Birmingham: ELR
- Nesi, H. and Basturkmen, H. (2006). “*Lexical Bundels and Discourse Signalling in Academic Lectures*”. University of Warwick and Auckland. International Journal of Corpus Linguistics. Volume 11. Number 3. John Benjamins Publishing Company. Amsterdam/ Piladelphia.
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Haron. (1979). Panduan Pengajaran Bahasa Malaysia Di Sebuah Sekolah Menengah: Pembinaan Satu : Conceptual Framework Dalam Penulisan Karangan dlm. *Dewan Bahasa* 23: 2, Hal. 9-16.
- Johnstone, B. (2002). *Discourse Analysis*. Malden, MA: Blackwell Publishing.
- Juriah Long, Rahimah Hj. Sabran & Sofiah Hamid (1989). *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Kamaruddin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1997). *Penguasaan Kemahiran Menulis*. Selangor Darul Ehsan. Kumpulan Budiman.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (1994). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2014). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur.
- Kalaivani Supramaniam. (2004). *A Sitematic Perspective of Lexical Cohesion in English Newspaper Commentaries in Malaysia*. Faculty of Languages and Linguistics. University Malaya,. Kuala Lumpur.
- Kamaruddin Hj. Husin. (1998). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Khatijah Abdul Hamid (1996). Wacana Dalam Teks Penulisan. Satu Tinjauan Tentang Pertautan Berdasarkan Analisis Kohesi Dan Koheren. dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 40: 10, Hal. 868-880.
- Khathijah Abdul Hamid. (1997). *Analisis Kohesi Dan Koheren Dalam Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Empat Di Sebuah Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan, Universiti Malaya.
- Koh Boh Boon. (1989). *Perspektif-Perspektif Dalam Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Koh Boh Boon. (1996). Dapatan Dan Implikasi Kajian Tentang Kebolehan Pelajar Tingkatan 6 Rendah Dalam Penulisan Karangan. dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 40.
- Kridalaksana, Harimurti. (1978). *Keutuhan Wacana*. Bahasa Dan Sastera. Tahun IV No. 1. 1978. Jakarta: Pusat Pembinaan Dan Pengembangan Bahasa. Hal. 337-343.
- Kumaran. R. (2006). *Wacana Bahasa Tamil: Analisis Kohesi dalam Esei Pelajar Tingkatan Lima*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2010). *Kupasan Mutu Jawapan Soalan SPM*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Majid Ramlih & Ayob Razali. (2003). *Analisis Koheren dan Kohesi Berdasarkan Tautan Ayat dalam Penulisan Karangan: Satu Tinjauan di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat*. (Tesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Azam Ahmad. (2000). *Perspektif Baru dalam Kemahiran Mengarang: Satu Kajian Kes*. Akademik Pengajian Melayu. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mohd Baharuddin Othman Dan Mohd. Kairie Ahmas. (2003). *Pengantar Komunikasi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohammad Fazeli, Idris Aman, Norsimah (2015). Analisis Kohesi Wacana Sains Berdasarkan Teori Nahu Fungsian. *Jurnal Bahasa*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Noor Ishak. (1987). *Kesan Pengajaran Dua Strategi Penulisan Karangan Jenis Esspositori Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.
- Mohd. Sidin Ahmad Ishak. (1999). *Ketrampilan Menulis*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Ziani. (2004). *Wacana, Penanda Wacana Dan Kohesi Dan Koheren*. Dlm. Pelita Bahasa. Mac. Halaman 26-34. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Zaini Othman. (2005). *Sejarah Dan Perkembangan Analisis Wacana*. Dlm. Pelita Bahasa. Oktober. Halaman 32-33. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Moeliono Anton. M. (1993). *Tatabahasa Indonesia Baku Indonesia*. Jakarta: Perum Balai Pustaka.
- Mulyana (2005). *Kajian Wacana Teori, Metode, Dan Aplikasi Prinsip-Prinsip Analisis Wacana*. Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Musmira Sa'ad (1995). Analisis Tautan Dalam Cerpen 'Kasih Bertaut': Satu Tinjauan Awal. dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 39: 5, Hal. 405-421.

- Nd. Saidin Ahmas Ishak & Mohd Saleeh Rahamad. (1998). *Strategi Bahasa*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et. al. (2010). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pakdesofa. (2008). Word press. *Metode Analisis Isi Reliabilititas Dan Validitas Dalam Metode Penelitian Komunikasi*. <http://www.masofa.wordpress.com>. Diakses pada 8 Ogos 2014.
- Parsons, G. (1990). *A Comparative Study of the Writing of Scientific Texts Focusing on Cohesion and Coherence*. Tesis Ph. D. University of Nottingham.
- Pike, K.L., Dan Pike, E.G. (1997). *Grammatical Analysis*. Arlington: The University Of Texas And The Summer Institute Of Linguistic.
- Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam. (1985). *Kajian Bahasa*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Raminah Hj. Sabran. (1989). *Kecekapan Berkomunikasi Dalam Bahasa Melayu Untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya. Fajar Bakti.
- Raimes, A. (1983). *Exploring Tought Writing: A Process Approach To ESL Composition*. New York: St. Martin's Press.
- Renkema, J. (1993). *Introduction to Discourse Studies*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Riana, I Ketut. (1985). *Konjungsi Dalam Paragraf*'' Dalam *Majalah Widya Pustaka*, Tahun II No. 6. Denpasar: Fakultas Sastra Universitas Udayana.
- Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial (Edisi Kemas Kini)*. Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Richards, J.C. (1990). *The Language Reaching Matrix*. New York: Cambridge University Press.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves: Edusystem Sdn. Bhd.
- Salkie, R. (1995). *Text And Dicourse Analysis*. London: Routledge.
- Sanat Md. Nasir. (2002). *Tautan Dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sandhya Nayak. (2002). *Language of Advertisements in Tamil Mass Media*. Disertasi Ph.D Central Institute of Indian Languages. Mysore: Manasagangotri.

Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah. (1997). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Nurhajariah Md Isa. (2014). *Kohesi Penghubungan dalam Karangan Arab Pelajar: Satu Analisis Wacana*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Sumarlam, Kundharu Saddhono, Usdiyanto, Chattri S. Widyastuti, Sutji Muljani, Siti Tarwiyah, Harun Joko Prayitno, Wiwik Darmini, Pudiyono, dan Purwo Haryono. (2008). *Analisis Wacana*. Solo: Pustaka Cakra.

Suladi. et. al. (2000). *Kohesi Dalam Media Massa Cetak Bahasa Indonesia Studi Kasus Tentang Berita Utama Dan Tajuk*. Jakarta : Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional.

Tarigan. H.G. (1987). *Pengajaran Wacana*. Bandung: Angkasa.

Valdes, G., Pazharo Dan Pazecharriarzo, M. (1992). The Development Of Writing Abilities In Foreign Languages: A Contributions Toward A General Theory Of 12 Writing. *Modern Languages Journal*, Vol. 76. No.3.

Wahab Abdul. (1990). *Butir-Butir Linguistik*. Surabaya: Airlangga University Press.

Wong Kok Seng. (1995). *Kesinambungan Topik Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Weng Khek Seng (1993). "Pautan Dan Pembinaan Teks Dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal." Dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* : April. Halaman: 306-314. Kuala Lumpur.: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Weng Khek Seng (1992). Sejarah Perkembangan Analisis Wacana dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*: Mei. Halaman: 438-446. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Yayat Sudaryat. (2008). *Makna Dalam Wacana*. Bandung: Yrama Widya.

Za'ba. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Zarnowski, M. S. (1983). *Cohesion In Student Narratives: Grades Four, Six, And Eight* (ERIC Document Reproduction ServiceNo: ED247 569).

Zhao, J., Yan, W. dan Zhou, Y. (2009). A Corpus-Based Study of Cohesion in English Medical Texts and its Chinese Translation. dlm. *International Journal of Biomedical Science* 5:3. September. Hlm. 313-20.